

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KETIGA BELAS,  
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN CHUA TIANG CHANG @ TIAN  
CHUA [BATU]**

**TARIKH : 26 OKTOBER 2016 (RABU)**

**SOALAN :**

**YB Tuan Chua Tiang Chang @ Tian Chua [ Batu ] minta PERDANA  
MENTERI menyatakan adakah benar pekerja PETRONAS seramai  
51,000 akan kehilangan pekerjaan mereka. Apakah langkah-langkah  
yang akan diambil Kementerian melindungi kebajikan pekerja-pekerja ini.**

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang di-Pertua, jumlah keseluruhan kakitangan PETRONAS sehingga 31 Disember 2015 adalah seramai 53,149 orang. Oleh itu, berita mengenai seramai 51,000 orang pekerja PETRONAS akan kehilangan pekerjaan adalah tidak benar.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATUK NOOR EHSANUDDIN BIN MOHD  
HARUN NARRASHID [ KOTA TINGGI ]**

**TARIKH : 26 OKTOBER 2016 (RABU)**

**SOALAN : 19**

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd Harun Narrashid [ Kota Tinggi ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah langkah-langkah Kementerian dalam meningkatkan tahap saringan keselamatan di semua pintu masuk lapangan terbang antarabangsa negara.

## **JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian dalam meningkatkan tahap saringan keselamatan di semua pintu masuk lapangan terbang antarabangsa Negara adalah seperti berikut :

### **i. Saringan Fizikal**

Bagi meningkatkan tahap saringan keselamatan, langkah-langkah yang telah diambil melalui Jabatan Penerbangan Awam (DCA) adalah dengan menetapkan beberapa kriteria yang perlu dipatuhi oleh operator lapangan terbang selaras dengan peraturan – peraturan dan piawaian antarabangsa (*International Civil Aviation Organization* - ICAO) antaranya adalah seperti berikut :-

- a) Pegawai yang menjalankan operasi imbasan (*screener*) perlu menjalani latihan khusus dan diperakukan terlebih dahulu oleh DCA sebelum memulakan tugas sebagai *screener*.
- b) Bagi menjamin penugasan *screener* dengan lebih berkesan, efisien dan terfokus terhadap tugas saringan, DCA telah menetapkan penggiliran tugas *screener* agar tidak bertugas secara berterusan melebihi 20 minit pada waktu puncak.
- c) Pihak DCA juga akan menjalankan pemeriksaan kawalan kualiti seperti menjalankan audit, *inspection* dan *testing* bagi

memastikan penugasan terhadap imbasan keselamatan sentiasa di tahap yang terbaik.

**ii. Saringan *Background Check* terhadap kakitangan**

Tapisan keselamatan juga dilaksanakan terhadap kakitangan yang bertugas di dalam kawasan lapangan terbang bagi memastikan rekod peribadi bersih dari unsur jenayah dan aktiviti keganasan. Tapisan ini akan dibuat dengan kerjasama pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Pejabat Ketua Keselamatan Kerajaan (CGSO). Sekiranya terdapat rekod jenayah atau rekod yang dikaitkan dengan aktiviti keganasan, kakitangan tersebut tidak akan dibenarkan berkerja di dalam kawasan lapangan terbang.

**iii. Saringan *Background Check* terhadap Penumpang**

Tapisan keselamatan terhadap penumpang akan dilaksanakan oleh pihak Imigresen Malaysia melalui sistem Imigresen Malaysia (MyIMMs) dan Sistem Penguatkuasaan dan Pendaftaran Warga Asing (NERS).